

SULIT
45/1
PENDIDIKAN
ISLAM
Kertas 1
Ogos 2010
2 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PAHANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010

PENDIDIKAN ISLAM

Tingkatan 3

Kertas 1

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2. Jawab satu soalan daripada **Bahagian A** dan semua dalam **Bahagian B**.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas berasingan.*


Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.


1. (a) Firman Allah SWT:



Ayat di atas menerangkan tentang keburukan arak dan judi.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan arak. [2 markah]
- (ii) برداسر كن آية , ياتاكن فغرتين كلمة يغ بركاريس . [2 markah]
- (iii) Nyatakan hukuman yang dikenakan terhadap peminum arak mengikut syariat Islam. [2 markah]
- (iv) Terdapat ramai remaja Islam terlibat dengan gejala minum arak. Mengapakah fenomena ini masih berleluasa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk menanganinya? [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:



Hadis di atas berkaitan dengan amalan mukmin cemerlang.

- (i) Berdasarkan hadis di atas, senaraikan **empat** amalan untuk menjadi mukmin cemerlang selain solat. [4 markah]
- (ii) Antara amalan mukmin cemerlang ialah melakukan solat termasuk solat sunat. Nyatakan solat yang dilakukan sebaik sahaja memasuki masjid. [2 markah]

- (c) Tulis perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i) Sikap memberi layanan baik terhadap tetamu menjadi budaya
kehidupan umat Islam. Amalan tersebut memberi faedah yang
besar kepada negara. Sektor pelancongan akan menjadi
pesat. Pelancong luar berasa selesa berada di negara yang
rakyatnya berhati luhur dan jujur.

[4 markah]

- (a) Firman Allah SWT:

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾
(سورة الأعراف : 23)

Ayat di atas menjelaskan orang yang melakukan kezaliman perlu memohon keampunan kepada Allah SWT.

- (i) Apakah maksud keampunan Allah SWT? [2 markah]
(ii) برداسرکن آية ياتاکن فغرتین کلمة یغ برکاریس . [2 markah]
(iii) Nyatakan **dua** syarat taubat yang diterima Allah SWT. [2 markah]
(iv) Jelaskan **dua** cara untuk mendapat rahmat Allah SWT. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ سَلَامِي مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلُّ يَوْمٍ تَطَّلَعُ فِيهِ الشَّمْسُ تَعْلُبُ بَيْنَ الْإِنْسَانِ صَدَقَةٌ وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْقَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَنَاعَةً صَدَقَةٌ وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ وَيَكُلُّ خُطْوَةَ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ وَتَمِيطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ
(رواه البخاري و مسلم)

Berdasarkan hadis, mengucapkan kata-kata yang baik (**الكلمة الطيبة**) adalah salah satu daripada amalan sedekah.

- (i) Apakah ucapan yang perlu dilafazkan apabila menerima hadiah daripada seseorang? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kes mengamalkan sedekah kepada masyarakat. [4 markah]
(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Islam mengajar umatnya menjalinkan hubungan baik di antara satu sama lain. Amalan ini menjamin kehidupan yang harmoni.

Bahagian B

[80 markah]

Jawab **semua** soalan.

3. (a) Ihsan ialah kesungguhan, ketekunan atau keikhlasan dalam melakukan ibadat atau pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** contoh amalan yang menunjukkan sifat ihsan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan mengamalkan sifat ihsan dalam kehidupan seharian. [4 markah]
- (b) Maksud al-Hakim ialah Allah SWT Maha Bijaksana.
- (i) Apakah yang anda faham dengan sifat Allah SWT Maha Bijaksana? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Hakim pada kejadian manusia. [2 markah]
- (iii) Huraikan **dua** langkah untuk menjadikan anda seorang cendekiawan ulung. [4 markah]
- (c) Al-Hisab adalah salah satu proses yang dilalui oleh manusia di Padang Mahsyar.
- (i) Nyatakan pengertian al-Hisab. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** amalan harian yang boleh anda lakukan untuk memudahkan proses al-Hisab di akhirat. [4 markah]

Soalan 4(a)(i) dan 4(a)(ii) berdasarkan Gambar 1.

4.



Gambar 1


Asyraf sedang menunaikan solat Zohor dengan khusyuk.

- (a) (i) Apakah maksud khusyuk dalam solat? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** usaha yang perlu dilakukan untuk membolehkan anda khusyuk menunaikan solat. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan khusyuk dalam solat. [4 markah]
- (b) Umat Islam digalakkan sentiasa mengerjakan amalan-amalan sunat dalam bulan Ramadhan, antaranya solat tarawih.
- (i) Senaraikan **empat** amalan sunat utama yang lain. [4 markah]
- (ii) Terangkan kelebihan menunaikan solat tarawih terhadap individu. [2 markah]

Soalan 4(c)(i) hingga 4(c)(iv) berdasarkan Jadual 1.

| | | | | | |
|-------|-----|--------|-------|-------|----------|
| Sunat | Sah | Makruh | Haram | Wajib | Jadual 1 |
|-------|-----|--------|-------|-------|----------|

- (c) Berdasarkan Jadual 1 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:
- (i) Azman mandi wajib tanpa membaca bismillah terlebih dahulu. [1 markah]
 - (ii) Aisyah mengadakan jamuan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa. [1 markah]
 - (iii) Zakwan membaca selawat ke atas nabi selepas takbir kedua semasa menunaikan solat jenazah. [1 markah]
 - (iv) Hashimah mengeluarkan zakat perniagaannya kepada orang bukan Islam. [1 markah]



Gambar 2
Kaabah di Kota Mekah

5. (a) Rasulullah SAW telah berjaya membuka Kota Mekah tanpa pertumpahan darah kerana ramai pembesar Quraisy telah memeluk Islam.
- (i) Siapakah tokoh Quraisy yang memeluk Islam pada malam Pembukaan Kota Mekah? [1 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** sifat mulia Rasulullah SAW semasa Pembukaan Kota Mekah. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan Pembukaan Kota Mekah. [4 markah]
- (b) Saidina Umar Al-Khattab terkenal dengan sifat keberaniannya.
- (i) Apakah gelaran yang diberikan kepada beliau? [1 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** bukti keberanian beliau. [2 markah]
- (c) Sumaiyyah Ummu Ammar bin Yasir merupakan wanita pertama syahid dalam Islam.
- (i) Nyatakan **dua** bentuk seksaan yang dialami oleh Sumaiyyah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan pengajaran yang boleh diambil daripada perjalanan hidup Sumaiyyah. [2 markah]

- (d) (i) Susun semula potongan ayat Al-Quran di bawah mengikut tertib seperti dalam Al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

1. وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
2. وَقَنَا عَذَابِ النَّارِ
3. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً

[3 markah]

5. (d) (ii) berdasarkan Jadual 2.

| | | |
|------------|--------|-----------|
| وَتَنَزَعُ | مَلِكِ | الْخَيْرُ |
|------------|--------|-----------|


Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis jawapan sahaja.

| | |
|---|-----------|
| (ii) _____ | (i) _____ |
| الْقُلُوبِ أَلَمْ يَلْمِزْكَ مِنْ تَمَنَّى وَمَنْ تَمَنَّى فَتَمَنَّى بِئْسَ تَمَنِّيًا | |
| (iii) _____ | |

[3 markah]

6.



Gambar 3 Gambar sebuah keluarga bahagia.

- (a) (i) Apakah maksud keluarga? [2 markah]
- (ii) Kita dituntut menjaga hubungan baik dan berbakti kepada keluarga serta sanak saudara. Senaraikan **empat** amalan yang menyalahi adab bergaul dengan keluarga. [4 markah]

- (b) Islam menggariskan adab-adab yang perlu dijaga untuk menjamin kehormatan masjid dan surau.
- (i) Nyatakan **dua** adab ketika masuk ke dalam masjid dan surau. *[2 markah]*
 - (ii) Namakan **dua** masjid yang paling mulia dalam Islam. *[2 markah]*
 - (iii) Nyatakan **dua** langkah berkesan untuk menarik lebih ramai umat Islam menunaikan solat jemaah di masjid atau surau. *[4 markah]*
- (c) Islam menuntut umatnya supaya sentiasa beradab dan menghormati guru.
- (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara pelajar beradab dengan pelajar tidak beradab. *[4 markah]*
 - (ii) Nyatakan **dua** akibat derhaka kepada guru. *[2 markah]*

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
45/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
2010
2 jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2010
TINGKATAN TIGA

PENDIDIKAN ISLAM
PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENDIDIKAN ISLAM PMR 2010**

| Soalan | | | Contoh jawapan | Markah |
|--------|----|-----|--|---------|
| 1 | a | i | Maksud arak: Semua jenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan. | 1x2m=2m |
| | | ii | Pengertian kalimah yang bergaris: - Dan manfaat/Faedah - Kamu berfikir | 2x1m=2m |
| | | iii | Hukuman ke atas peminum arak mengikut hukum Islam: - 40 kali sebatan/80 sebatan | 1x2m=2m |
| | | iv | Faktor gejala minum arak berleluasa: - Kurang didikan agama - Pengaruh rakan sebaya yang jahat - Lemah iman - Kurang penguatkuasaan undang-undang Islam - Kurang perhatian di kalangan ibu bapa/penjaga - Arak mudah diperlolehi di kedai/premis perniagaan - Tidak takut dengan azab Allah - Pengaruh media massa/persekitaran - Pengaruh syaitan/hawa nafsu Catatan: (Jawapan munasabah diterima) | 2x2m=4m |
| | b. | i | Empat amalan untuk menjadi mukmin cemerlang selain solat: - Berwuduk - Bertasbih - Bertahmid - Sedekah - Sabar - Membaca Al-Quran Catatan: - Jawapan dalam petikan hadis diterima - Salin keseluruhan matan hadis tidak diterima | 4x1m=4m |

| | | | | |
|---|----|----------------------|---|---------|
| | | ii | Solat yang dilakukan sebaik sahaja memasuki masjid: - Solat sunat tahiyatul masjid | 1x2m=2m |
| | c. | i ii iii iv | Menjawabkan ممبري لاینن باءیق تر هادف ممبري فاءیده یغ بسر فلنجوغ لوار براس سلیسا برهاتی لوهور دان جوجور Catatan: - Satu pernyataan satu markah - Kesalahan lebih daripada separuh pernyataan tiada markah - Huruf cerai tidak diterima - Ejaan mengikut jawi DBP | 4x1m=4m |
| 2 | a | i | Maksud keampunan Allah: - Penghapusan dosa /oleh Allah SWT kepada hamba yang berdosa dan memohon taubat kepadaNya. Catatan: Penghapusan dosa (1m) | 1x2m=2m |
| | | ii | Pengertian kalimah yang bergaris: - Kami menzalimi - Dan memberi rahmat kepada kami | 2x1m=2m |
| | | iii | Dua syarat taubat yang diterima Allah - Menyesal di atas perbuatan yang dilakukan - Berazam tidak akan mengulangi dosa yang dilakukan - Beristighfar - Memohon maaf atas kesalahan terhadap manusia - Meninggalkan perbuatan dosa yang pernah dilakukan serta merta - Mengembalikan hak orang lain yang diambil - Meningkatkan amalan soleh dan kebajikan | 2x1m=2m |
| | | iv | Dua cara untuk mendapat rahmat Allah: - Berlaku adil terhadap orang lain - Bertaubat dengan ikhlas hati/berazam tidak mengulangi dosa yang dilakukan. - Melaksanakan ibadat dengan ikhlas dan sempurna - Membelanjakan harta di jalan Allah ketika senang atau susah - Berkasih sayang sesama anggota keluarga dan masyarakat. | 2x2m=4m |

| | | | | |
|----|---|----|---|---------|
| | b | i | Lafaz yang perlu diucapkan apabila menerima hadiah: <ul style="list-style-type: none"> - Terima kasih | 1x2m=2m |
| | | ii | Dua kesan terhadap masyarakat yang mengamalkan sedekah: <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan masyarakat yang pemurah - Masyarakat hidup aman harmoni - Mampu meningkatkan keperluan masyarakat - Mengeratkan sillaturrahim <p>Catatan: (Jawapan munasabah diterima)</p> | 2x2m=4m |
| | c | | Menjawabkan إسلام مغاير او متن منجالينكن / هوبوغن باءيق دانتارا ساتو / سام لاءين. عملن اين / منجامين كهيدوفن يغ هر موني. | 4x1m=4m |
| | | | <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Satu pernyataan satu markah - Kesalahan lebih daripada separuh pernyataan tiada markah - Huruf cerai tidak diterima - Ejaan mengikut jawi DBP | |
| 3. | a | i | Dua contoh amalan yang menunjukkan sifat ihsan : <ul style="list-style-type: none"> - Solat dengan ikhlas - Mematuhi peraturan - Menolong orang dengan ikhlas - Belajar dengan tekun dan ikhlas <p>Catatan: (Jawapan munasabah yang menunjukkan sifat ihsan sahaja diterima)</p> | 2x1m=2m |
| | | ii | Dua kesan mengamalkan sifat ihsan dalam kehidupan seharian <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan sesuatu yang diusahakan berfaedah dan diredhai Allah - Melahirkan sifat-sifat mahmudah/ccontoh sifat seperti syukur,redha dll. - Berpandangan jauh - Menjalin hubungan baik dengan ibu bapa/keluarga/jiran/kawan-kawan. <p>Catatan: (Jawapan munasabah diterima)</p> | 2x2m=4m |

| | | | |
|---|-----|--|---------|
| b | i | Apa yang difahami dengan sifat Allah SWT yang Maha Bijaksana <ul style="list-style-type: none"> - Allah Maha Bijaksana dalam segala ciptaannya yang beraneka rupa /di mana ada yang boleh dilihat seperti manusia dan ada yang tidak boleh dilihat seperti malaikat | 1x2m=2m |
| | ii | Dua bukti Allah bersifat al Hakim pada kejadian manusia: <ul style="list-style-type: none"> - Kejadian cap manusia yang berbeza - Rupa paras yang berlainan - Kejadian kembar seiras - Anggota yang sesuai dengan kegunaannya Catatan: (Jawapan mesti menunjukkan sifat Kebijaksanaan Allah) | 2x1m=2m |
| | iii | Dua langkah untuk menjadikan seorang cendekiawan ulung: <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan masa secara terancang/ agar terisi dengan perkara-perkara berfaedah - Bijak menguruskan kerja mengikut keutamaan /agar perkara penting dan utama dapat diselesaikan dengan sempurna - Menghargai setiap ciptaan/kurniaan Allah/ agar dapat dimanfaatkan ke arah kebaikan - Menggunakan nikmat akal /untuk mencari keredhaan Allah - Bersungguh-sungguh menuntut ilmu /supaya menjadi orang cemerlang - Rajin melakukan penyelidikan /agar memiliki pengetahuan dan kemahiran yang mantap Catatan: <ul style="list-style-type: none"> - Isi (1m) - Huraian (1m) (Jawapan munasabah diterima) | 2x2m=4m |
| c | i | Maksud al Hisab <ul style="list-style-type: none"> - Perhitungan amalan/ manusia di dunia sama ada baik atau jahat. | 1x2m=2m |
| | ii | Dua amalan harian untuk memudahkan proses amalan hisab: <ul style="list-style-type: none"> - Solat lima waktu - Melaksanakan puasa - Menunaikan zakat - Bersedekah | 2x2m=4m |

| | | | | |
|----|---|-----|---|---------|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> - Mentaati kedua ibu bapa - Berzikir kepada Allah - Berselawat ke atas nabi - Menghormati jiran/rakan-rakan <p>Catatan: (Jawapan munasabah diterima)</p> | |
| 4. | a | i | <p>Maksud khusyuk dalam solat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tunduk dan merasa rendah diri dengan menumpukan fikiran, menenangkan hati dan anggota ketika solat semata-mata kerana Allah. - Menumpukan sepenuh perhatian ketika solat kerana Allah. <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menumpukan perhatian kerana Allah (2m) - Menumpukan perhatian (1m) | 1x2m=2m |
| | | ii | <p>Empat usaha untuk membolehkan khusyuk ketika solat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menginsafi kelemahan dan kekurangan diri/berbanding dengan kekuasaan Allah SWT - Memberi sepenuh perhatian kepada Allah SWT - Memahami apa yang dilafazkan/memahami ayat - Melupakan urusan keduniaan - Melihat tempat sujud - Tidak bergerak-gerak - Melakukan setiap rukun fi'li dengan sempurna - Memastikan suasana dan tempat tenang - Ditunaikan secara ikhlas - Mengharapkan Allah menerima solat | 4x1m=4m |
| | | iii | <p>Dua kesan khusyuk dalam solat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT - Dapat merasai ketenangan jiwa - Solat diterima Allah - Dapat merasai nikmat solat yang dikerjakan - Mendapat pahala daripada Allah - Mendapat keberkatan dalam hidup - Terhindar daripada malakukan perbuatan mungkar - Membentuk peribadi yang mulia | 2x2m=4m |

| | | | | |
|----|---|-----|---|---------|
| | b | i | Empat amalan sunat utama selain solat tarawih pada bulan Ramadhan: <ul style="list-style-type: none"> - Tadarus al-Quran - Sedekah - Qiamullail - Iktikaf | 4x1m=4m |
| | | ii | Kelebihan menunaikan solat tarawih terhadap individu: <ul style="list-style-type: none"> - Melatih anggota tubuh badan / untuk kuat beribadat - Menyihatkan tubuh badan/ supaya dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna - Diampunkan dosa-dosa yang lalu/ agar hidup diredhai Allah - Mendapat ganjaran pahala daripada Allah /kerana melakukannya dengan ikhlas. Catatan: <ul style="list-style-type: none"> - Isi (1m) - Huraian (1m) | 1x2m=2m |
| | c | i | Hukum | |
| | | ii | Sah | 1x1m=1m |
| | | iii | Sunat | 1x1m=1m |
| | | iv | Wajib | 1x1m=1m |
| | | | Haram | 1x1m=1m |
| 5. | a | i | Tokoh Quraisy yang memeluk Islam pada malam pembukaan Kota Mekah <ul style="list-style-type: none"> - Al-Abbas - Abu Sufian | 1x1m=1m |
| | | ii | Dua sifat mulia Rasulullah SAW semasa Pembukaan Kota Mekah <ul style="list-style-type: none"> - Menerima pandangan sahabat - Bertolak ansur/toleransi dengan penduduk Mekah - Sabar menghadapi kesusahan/halangan - Berdisiplin atas segala tindakan - Berani berhadapan dengan kafir Quraisy - Bijaksana mengatur strategi - Pemaaf atas kesalahan musuhnya - Tidak berdendam terhadap musuh - Berhemah dalam segala urusan - Berpandangan jauh dalam membuat keputusan | 2x1m=2m |

| | | | |
|---|-----|--|---------|
| | iii | Dua kesan Pembukaan Kota Mekah: <ul style="list-style-type: none"> - Dakwah Islam berkembang pesat - Penduduk Mekah memeluk Islam beramai-ramai - Masyarakat Mekah hidup aman damai - Tanah Haram Mekah menjadi kawasan larangan bagi bukan Islam - Dakwah Islam dapat dijalankan secara terang-terangan | 2x2m=4m |
| b | i | Gelaran yang diberikan kepada Saidina Umar Al-Khattab: <ul style="list-style-type: none"> - Al Faruq - Pemisah antara hak dengan batil Catatan: <ul style="list-style-type: none"> - Lebih daripada satu jawapan tidak diterima | 1x1m=1m |
| | ii | Dua bukti keberanian Saidina Umar: <ul style="list-style-type: none"> - Mencabar pihak Quraisy supaya menghalangnya daripada berhijrah ke Madinah - Mengisytiharkan keislamannya di khalayak ramai - Menunaikan solat secara terang-terangan di Masjidil Haram - Memberi cadangan supaya Islam disebarikan secara terus terang - Bertakbir sepanjang perjalanan dari rumah ke Masjidil haram untuk menunaikan solat. | 2x1m=2m |
| c | i | Dua bentuk siksaan yang dialami oleh Sumaiyah: <ul style="list-style-type: none"> - Dijemur/di tengah-tengah panas matahari - Diseret/ di padang pasir - Dipukul/ hingga berdarah - Ditikam / dengan tombak hingga mati - Dicucuk/ dengan besi panas | 2x1m=2m |
| | ii | Pengajaran yang boleh diambil daripada perjalanan hidup Sumaiyah: <ul style="list-style-type: none"> - Setiap orang wajib mempertahankan aqidah - Umat Islam hendaklah sentiasa tabah dalam menghadapi ujian hidup - Pengorbanan yang tinggi diperlukan dalam usaha menegakkan Islam - Pengorbanan yang ikhlas akan mendapat ganjaran syurga | 1x2m=2m |

| | | | | |
|---|---|----|--|---------|
| | d | i | Susun ayat 3 1 = 2 1 2 = 3 2 atau 3,1,2 atau 3 = 1 | 3x1m=3m |
| | | ii | Isi tempat kosong i- مَلِك ii- وَتَنَزَعُ iii- الْخَيْرُ | 3x1m=3m |
| 6 | a | i | Maksud keluarga - Sanak saudara, kaum kerabat dan saudara mara terdekat termasuk ibubapa, datuk, nenek, adik beradik, bapa saudara dan emak saudara | 1x2m=2m |
| | | ii | Empat amalan yang menyalahi adab bergaul dengan keluarga - Berbicara tanpa menggunakan pertimbangan akal yang waras/bercakap kasar/tidak bersopan santun /memaki hamun/ mengeluarkan kata-kata yang lucu - Menyokong atau meredai perbuatan maksiat yang berlaku dalam keluarga. - Membiarkan anggota keluarga hidup dalam kesusahan. - Tidak menghormati golongan yang lebih tua dan tidak menyayangi golongan lebih muda. - Tidak bekerjasama dalam usaha yang boleh memberi kebaikan kepada keluarga. - Berperasaan hasad dan dengki dengan sesuatu kelebihan yang ada pada keluarga. - Memutuskan hubungan kekeluargaan dengan tidak bertegur sapa, tidak bergaul dan tidak ziarah menziarahi. | 4x1m=4m |
| | b | i | Dua adab ketika masuk ke dalam masjid dan surau - Membuka kasut - Masuk dengan mendahulukan kaki kanan - Membaca doa اللهم افتح لي ابواب رحمتك - Mengucapkan salam kepada orang yang berada di dalam masjid. Sekiranya tiada sesiapa ucapkanlah : السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين | 2x1m=2m |

| | ii | Dua masjid yang paling mulia dalam Islam: <ul style="list-style-type: none"> - Masjid Al-Haram di Mekah - Masjid Al-Nabawi di Madinah - Masjid Al-Aqsa di Palestin | 2x1m=2m | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|--|--|-----------------|-----------------------|---------------------------------|---------------------------------------|--|--|--|---|---|---|---|--|--|-------------------------------------|--|--|---------|
| | iii | Dua langkah berkesan untuk menarik lebih ramai umat Islam menunaikan solat jemaah di masjid atau surau : <ul style="list-style-type: none"> - Perbanyakkan program kemasyarakatan seperti majlis akad nikah dan gotong royong - Mewujudkan koperasi masjid untuk meningkatkan ekonomi umat Islam - Mengadakan majlis ilmu / kuliah agama/ ceramah. - Mewujudkan perpustakaan mini untuk rujukan masyarakat setempat/ bilik kuliah/ rujukan - Mengadakan tempat riadah seperti gelanggang takraw dan badminton. Catatan: (Jawapan munasabah diterima) | 2x2m=4m | | | | | | | | | | | | | | | | |
| c | i | Dua perbezaan antara pelajar beradab dengan pelajar tidak beradab: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Pelajar beradab</th> <th style="width: 50%;">Pelajar tidak beradab</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Memberi salam apabila bertemu</td> <td>- Tidak memberi salam apabila bertemu</td> </tr> <tr> <td>- Bercakap menggunakan bahasa yang sopan</td> <td>- Bercakap menggunakan bahasa yang kasar dan melawan</td> </tr> <tr> <td>- Manis muka menerima teguran dan nasihat guru</td> <td>- Bermasam muka menerima teguran dan nasihat guru</td> </tr> <tr> <td>- Menegur atau bertanya khabar apabila bertemu guru di luar kawasan sekolah</td> <td>- Tidak mengindahkan guru apabila bertemu di luar kawasan sekolah</td> </tr> <tr> <td>- Membuat kerja yang disuruh dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh</td> <td>- Tidak ikhlas membuat kerja yang disuruh dan tidak bersungguh-sungguh</td> </tr> <tr> <td>- Mengucapkan terima kasih setelah guru selesai mengajar</td> <td>- Tidak berterima kasih kepada guru</td> </tr> <tr> <td>- Menundukkan kepala atau meminta izin apabila lalu dihadapan guru</td> <td>- Tidak hormat dan bongkak apabila lalu dihadapan guru</td> </tr> </tbody> </table> | Pelajar beradab | Pelajar tidak beradab | - Memberi salam apabila bertemu | - Tidak memberi salam apabila bertemu | - Bercakap menggunakan bahasa yang sopan | - Bercakap menggunakan bahasa yang kasar dan melawan | - Manis muka menerima teguran dan nasihat guru | - Bermasam muka menerima teguran dan nasihat guru | - Menegur atau bertanya khabar apabila bertemu guru di luar kawasan sekolah | - Tidak mengindahkan guru apabila bertemu di luar kawasan sekolah | - Membuat kerja yang disuruh dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh | - Tidak ikhlas membuat kerja yang disuruh dan tidak bersungguh-sungguh | - Mengucapkan terima kasih setelah guru selesai mengajar | - Tidak berterima kasih kepada guru | - Menundukkan kepala atau meminta izin apabila lalu dihadapan guru | - Tidak hormat dan bongkak apabila lalu dihadapan guru | 2x2m=4m |
| Pelajar beradab | Pelajar tidak beradab | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Memberi salam apabila bertemu | - Tidak memberi salam apabila bertemu | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Bercakap menggunakan bahasa yang sopan | - Bercakap menggunakan bahasa yang kasar dan melawan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Manis muka menerima teguran dan nasihat guru | - Bermasam muka menerima teguran dan nasihat guru | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Menegur atau bertanya khabar apabila bertemu guru di luar kawasan sekolah | - Tidak mengindahkan guru apabila bertemu di luar kawasan sekolah | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Membuat kerja yang disuruh dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh | - Tidak ikhlas membuat kerja yang disuruh dan tidak bersungguh-sungguh | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Mengucapkan terima kasih setelah guru selesai mengajar | - Tidak berterima kasih kepada guru | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Menundukkan kepala atau meminta izin apabila lalu dihadapan guru | - Tidak hormat dan bongkak apabila lalu dihadapan guru | | | | | | | | | | | | | | | | | | |